



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KATA MAJMUK

MARIATON FATIMAH BT. MAT JIRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENDEKATAN KOMUNIKATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KATA MAJMUK

MARIATON FATIMAH BT. MAT JIRI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PROJEK SARJANA YANG DIKEMUKAKAN INI
ADALAH UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2004



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



14.04.2004

Mariq Fatma Al Gini
Tandatangan
MARIATON FATIMAH BT. MAT JIRI
200200276



PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, segala pujian dan kesyukuran bagi Allah S.W.T. kerana dengan izinnya, dapat saya menyiapkan Projek Sarjana ini. Selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W., ahli keluarga dan sahabat baginda.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada En. Seri Lanang Jaya selaku penyelia projek ini yang telah banyak membimbing, memberi teguran serta tunjuk ajar yang berterusan tanpa jemu dalam melaksanakan projek ini. Semoga Allah memberi ganjaran atas pertolongan beliau.

Juga tidak ketinggalan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Jabatan Pendidikan Perak kerana merestui usaha saya membuat kajian di sekolah menengah di Negeri Perak. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada Pengetua, Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid-Murid, Guru-Guru Kanan dan guru-guru serta murid-murid Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah yang terlibat dalam kajian ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam menyiapkan projek penyelidikan ini.

Wallahu'alam.





ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu tinjauan untuk mengkaji keberkesanan pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran kata majmuk khususnya dan bahasa Melayu amnya di kalangan murid-murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan terutama Tingkatan Dua A 3. Pengkaji menggunakan ujian sebelum, ujian selepas sebagai instrumen kajian. Pengumpulan data dilakukan dengan menjalankan ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik kepada 34 orang murid Tingkatan Dua A 3 dan 101 orang jumlah murid Tingkatan Dua Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Data-data yang dikumpul melalui ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik diproses dan dianalisis dengan menggunakan SPSS Versi 11.0 (Statistical Package for Social Sciences). Analisis data dinyatakan dalam bentuk frekuensi dan peratus. Pada keseluruhannya, sikap responden terhadap pelaksanaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya adalah pada tahap positif. Kesimpulannya, kajian menunjukkan prestasi responden dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya meningkat. Ini membuktikan keberkesanan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Berdasarkan dapatan kajian, dinyatakan juga cadangan-cadangan pendekatan komunikatif dan kajian lanjutan berkenaannya.





COMMUNICATIVE APPROACH IN THE TEACHING AND LEARNING OF KATA MAJMUUK

ABSTRACT

This research is a form of observation to study the effectiveness of communicative approach on teaching and learning processes using 'kata majmuk' specifically and Bahasa Melayu generally among the Form Two students of Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. However, the study was mainly focussed on the Form 2A3 students. The researcher used test and questionnaires as the research instrument. Collection of data is done by having pre test, post test and questionnaires with the Form 2A3 students and a total of 101 students of Form Two of Sekolah Menengah Toh Indera Wangsa Ahmad Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. The data collected from pre test, post test and questionnaires is processed and analysed by using Statiscal Package for Social Sciences (SPSS Version 11.0). The data analysis is expressed in the form of frequency and percentage. On the whole, the respondents' attitude towards the implementation of communicative approach on teaching and learning processes using 'kata majmuk' specifically and Bahasa Melayu in general is at positive level. In conclusion, this research shows the respondents' performance in Bahasa Melayu in general and 'kata majmuk' specifically has improved. The application of communicative approach to the teaching and learning processes of Bahasa Melayu proved to be successful. Based on the findings of the study, proposals for the implementation of the communicative approach on the area suggested are also mentioned.



KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
BAB 1 PENDAHULUAN	1 - 17
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Tujuan Kajian	7
1.4 Soalan Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	11
1.6.1 Populasi Kajian	11
1.6.2 Lokasi	12
1.6.3 Tumpuan Kajian	12

	Halaman
1.6.4 Alat Kajian	13
1.7 Definisi Istilah	13
1.7.1 Bahasa Melayu	13
1.7.2 Tatabahasa	14
1.7.3 Pendekatan Komunikatif	14
1.7.4 Pengajaran	16
1.7.5 Pembelajaran	16
1.7.6 Pencapaian Sederhana	17
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	18 - 62
2.1 Pendahuluan	18
2.2 Bahasa Melayu Sebagai Alat Komunikasi	19
2.3 Teori-Teori Pembelajaran Bahasa	22
2.3.1 Teori Pembelajaran Pembentukan Kebiasaan	22
2.3.2 Teori Pembelajaran Kod-Kognitif (Piaget)	24
2.3.3 Teori Pembelajaran Interaksionalis (Halliday)	24
2.3.4 Teori Pembelajaran Fungsionalis (Halliday)	25
2.4 Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif	26
2.4.1 Ciri-Ciri Pendekatan Komunikatif	30
2.4.2 Prinsip-Prinsip Penggunaan Pendekatan Komunikatif	31
2.4.3 Peranan Bahasa Murid-Murid, Guru Dan Bahan	33
2.4.4 Pengelolaan Kumpulan	36

Halaman

2.5	Penyelidikan Tentang Pendekatan Komunikatif	38
2.5.1	Pelaksanaan Pendekatan Komunikatif	38
2.6	Konsep Pendekatan Komunikatif	42
2.7	Tanggapan Salah Tentang Aktiviti Komunikatif	54
2.8	Kata Nama Majmuk	56
2.8.1	Kajian Lepas Kata Majmuk	58
2.9	Kesimpulan Tentang Penyelidikan Pendekatan Komunikatif	61

 05-4506832
BAB 3 pustaka.upsi.edu.my
METODOLOGI

3.1	Pengenalan	63
3.2	Latar Belakang Tempat Kajian	64
3.3	Reka Bentuk Kajian	65
3.4	Prosedur Persampelan Kajian	65
3.5	Instrumen Kajian	66
3.6	Kajian Rintis	66
3.7	Prosedur Kajian	66
3.8	Penganalisaan Data	68

BAB 4 DAPATAN KAJIAN**69 - 92**

4.1	Pendahuluan	69
4.2	Perihalhan Sampel	70



Halaman

4.2.1	Sampel Ujian	70
4.2.2	Sampel Soal Selidik	72
4.2.2.1	Jantina	72
4.2.2.2	Bangsa	73
4.2.2.3	Kelas Murid	73
4.3	Dapatan Kajian	74
4.3.1	Apakah Kekerapan (Frekuensi) Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Dilakukan Murid-Murid Dalam Ujian Sebelum?	75
4.3.1.1	Apakah Kekerapan (Frekuensi) Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Dilakukan Murid-Murid Dalam Ujian Selepas?	77
4.3.2	Apakah Jenis Bentuk Atau Aspek Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Paling Ketara Dalam Kajian?	79
4.3.3	Sejauh Manakah Tahap Penguasaan Murid-Murid Terhadap Penggunaan Kata Dalam Ujian Sebelum	80
4.3.3.1	Sejauh Manakah Tahap Penguasaan Murid-Murid Terhadap Penggunaan Kata Majmuk Setelah Mengikut Pengajaran Secara Komunikatif	83
4.3.4	Dapatan Soal Selidik Untuk Menyokong Penggunaan Pendekatan Komunikatif Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Kata Majmuk	83
4.3.5	Huraian Analisis Bahagian B	84
4.3.5.1	Aspek Penguasaan Tentang Bahasa Melayu	87
4.3.5.2	Aspek Pendekatan Komunikatif	89
4.4	Kesimpulan	92



BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	93 - 106
5.1	Pendahuluan	93
5.2	Kesimpulan Dan Perbincangan	94
5.2.1	Apakah Kekerapan (Frekuensi) Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Dilakukan Murid-Murid?	94
5.2.2	Apakah Aspek Kesalahan Penulisan Kata Majmuk Yang Paling Ketara Dalam Kajian?	95
5.2.3	Sejuh Manakah Tahap Penguasaan Murid-Murid Tentang Kata Majmuk Setelah Mengikuti Pengajran Secara Komunikatif	98
5.3	Cadangan-Cadangan	102
5.3.1	Tindakan Penggubal Dasar	102
5.3.2	Tindakan Peringkat Sekolah	104
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	105
5.5	Kesimpulan	105
RUJUKAN		107
LAMPIRAN		
A	Rancangan Pelajaran	111
B	Kata Majmuk (Soalan)	115
C	Kata Majmuk (Contoh Jawapan)	116
D	Soal Selidik Murid	117
E	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	120

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
1	Taburan Murid Tingkatan Dua A 3 Mengikut Jantina	70
2	Taburan Mengikut Bangsa Murid	71
3	Taburan Murid Tingkatan Dua Mengikut Jantina	72
4	Taburan Murid Tingkatan Dua Mengikut Bangsa	73
5	Taburan Murid Mengikut Kelas Tingkatan Dua	74
6	Peratus Salah Dan Frekuensi Salah Kata Majmuk Dalam Ujian Sebelum	76
7	Peratus Salah Dan Frekuensi Salah Kata Majmuk Dalam Ujian Selepas	78
8	Prestasi Murid-Murid Dalam Ujian Sebelum	80
9	Analisa Jawapan Soal Selidik Soalan 1-3	85
10	Analisa Jawapan Soal Selidik Soalan 4-6	87
11	Analisa Jawapan Soal Selidik Soalan 7-10	89
12	Frekuensi Kesalahan Penulisan Kata Majmuk	95
13	Peratus Kesalahan Penulisan Kata Majmuk	98

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
2.1	Komponen Asas Pengajaran Bahasa Secara Komunikatif	29

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar pendidikan di Malaysia. Oleh itu, Bahasa Melayu amat penting kepada murid-murid, bukan sahaja sebagai alat untuk berkomunikasi di sekolah, malah untuk menguasai ilmu daripada pelbagai mata pelajaran. Kelemahan dalam penguasaan Bahasa Melayu boleh menjejaskan prestasi murid-murid dan fenomena ini telah menjadi persoalan di kalangan mereka yang terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Banyak faktor telah menyumbang kepada kemerosotan penguasaan Bahasa Melayu. Antara faktor yang jelas



dikenal ialah pengajaran tatabahasa Bahasa Melayu di peringkat sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas tidak dilaksana dengan berkesan.

Penguasaan bahasa atau lebih khusus bagi penguasaan tatabahasa iaitu kata majmuk merupakan satu aspek penting dalam kemahiran bahasa dan wajib dikuasai oleh murid-murid. Tanpanya, bermacam-macam masalah akan timbul dalam penulisan dan lisan kerana semua bentuk penggunaan bahasa memerlukan tatabahasa yang berkesan, sudah pasti murid-murid tidak dapat membentuk ayat yang gramatis untuk berkomunikasi, meluahkan perasaan dan pendapat.

Penguasaan aspek tatabahasa merupakan asas yang penting dalam penguasaan Bahasa Melayu. Dua perkara penting perlu dititikberatkan untuk mencapai tahap penguasaan sesuatu bahasa. Yang pertama ialah, seseorang itu harus mempunyai pengetahuan tentang peraturan sistem bahasa, sama ada bahasa pengucapan ataupun bahasa penulisan, dan yang kedua ialah menyalurkan pengetahuan dalam kemahiran kognitif untuk menggulung, membanding, menyimpul, menggabung dengan bahasa yang gramatis. Justeru, idea yang disampaikan menjadi logik dan mantap.

Kata majmuk ialah satu bentuk kata dalam Bahasa Melayu. Menurut Nik Safiah Karim dan rakan-rakan (1994 : 73), proses pemajmukan ialah proses yang merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan bentuk yang terhasil membawa makna tertentu. Kata majmuk bertindak sebagai satu unit dan dieja secara terpisah dan bentuknya tidak boleh





menerima sebarang penyisipan luar. Contoh : jalan raya, terima kasih, Perdana Menteri, mata pelajaran, manis mulut.

Penguasaan kata majmuk penggunaan Bahasa Melayu akan menjadi semakin kukuh lagi, jika penerapan penggunaan kata majmuk itu dilakukan dengan kerap dan berkesan. Ini bermakna bahawa dua teori pembelajaran bahasa perlu dimanfaatkan sekali gus. Kedua-dua teori yang dimaksudkan ini ialah teori pembelajaran interaksionalis (Halliday) dan teori pembelajaran fungsionalis (Halliday) manakala pendekatannya pula pendekatan komunikatif.

Pendekatan komunikatif melihat bahasa sebagai alat perhubungan yang menunjukkan makna dan penggunaan bahasa memainkan peranan penting (Brumfit dan Johnson: 1985). Matlamat pengajaran kata majmuk mengikut pendekatan komunikatif ialah untuk membentuk apa yang dimaksudkan oleh Hymes (1972) sebagai "keupayaan komunikasi".

1.2 Permasalahan Kajian

Terdapat ramai pengguna bahasa Melayu terutama murid-murid masih keliru tentang lisan dan penulisan kata majmuk. Murid-murid masih menulis dalam bentuk yang salah. Fenomena ini wujud disebabkan murid-murid masih kurang jelas tentang konsep kata majmuk dan sering kesilapan berlaku dari segi cara sebutan dan penulisan kata ini.



Antara faktor penyumbang fenomena ini adalah kerana terdapat perubahan yang berlaku antara buku Tatabahasa Dewan Jilid II dan dengan Tatabahasa Dewan Edisi Baharu tentang bilangan kata majmuk yang telah mantap, yang kedua-duanya ditulis oleh Nik Safiah Karim. Tatabahasa Dewan Jilid 2 (1989 : 35) - 29 perkataan dan Tatabahasa Dewan Edisi Baharu (1994 : 75) - 33 perkataan.

Proses penterjemahan yang terikat pada dasar "satu kata kepada satu kata" sering menimbulkan masalah. Dasar ini menyebabkan kata majmuk yang sepatutnya ditulis secara terpisah telah ditulis berangkai. Contohnya : terimakasih ('thanks')

Kekeliruan juga timbul dalam proses pengimbuhan kata majmuk. Asmah Hj. Omar menyarankan supaya proses pengimbuhan kata majmuk diwujudkan dengan dua cara itu:

- (i) Dengan menyambung unsur-unsur yang terlibat.
- (ii) Dengan meletakkan sempang antara unsur-unsur yang terlibat.

Kewujudan peraturan-peraturan penulisan kata majmuk serta kekecualian tertentu sering kali mendatangkan masalah dan mengelirukan murid-murid.

Jika ditinjau keadaan yang dihadapi oleh guru Bahasa Melayu di sekolah, tidak dapat dinafikan hakikat bahawa masalah yang dihadapi oleh mereka bukan mudah untuk diatasi. Umumnya, murid-murid di dalam sesebuah kelas menguasai Bahasa

Melayu pada tahap yang berbeza. Ada murid-murid yang cekap berbahasa dan ada juga sebaliknya. Seseengah kelas pula bukan sahaja terdiri daripada murid-murid bahasa pertama, tetapi bahasa kedua juga. Murid-murid Melayu sendiri, terdiri daripada murid-murid bahasa pertama tetapi bahasa kedua juga. Murid-murid Melayu sendiri, misalnya terdiri daripada mereka yang dialek daerahnya berbeza. Keadaan ini bukan mudah ditangani oleh guru. Keadaan bertambah sukar lagi jika guru tersebut terpaksa pula mengajar di beberapa buah kelas yang di dalam setiap kelas jumlah muridnya banyak.

Di samping itu, terdapat beberapa peraturan mengenai cara menulis kata majmuk. Dalam perkara ini banyak sekali kekeliruan dalam kalangan pengguna. Antara beberapa contoh kesalahan kata majmuk yang kerap dilakukan oleh murid-murid adalah seperti yang berikut :

Salah	Betul
ibu-bapa	ibu bapa

Kekeliruan murid-murid dalam perkara ini berpunca daripada kelemahan mereka menguasai peraturan bahasa Melayu dalam aspek tertentu. Terdapat ramai murid-murid yang tidak cuba memahami peraturan pengguna kata majmuk.

Adalah tidak diragui bahawa terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan perkara ini berleluasa dan faktor utama tentulah sikap-sikap murid-murid itu sendiri. Seseengah



murid-murid ternyata tidak begitu mengambil berat tentang kata majmuk dan menganggap perkara ini kurang penting. Sebagai bukti, beberapa kesalahan ejaan dan penulisan kata majmuk yang telah dibetulkan oleh guru semasa menyemak kerja bertulis murid-murid didapati masih berulang. Kesilapan itu masih dilakukan dalam latihan yang berikutnya dan sikap murid-murid yang ingin menyiapkan sesuatu tugas secepat mungkin menyebabkan perkara yang sedemikian berlaku. Golongan ini ternyata tidak mendisiplinkan diri mereka dan tidak menyemak semula tugas yang dihasilkan itu. Dengan demikian, aspek kesilapan kata majmuk dalam penulisan dan berkomunikasi terjadi kerana kecuaiannya murid-murid itu sendiri.

Tidak dinafikan juga bahawa kebanyakan murid-murid tidak memiliki pengetahuan yang kukuh tentang peraturan kata majmuk seperti yang tercatat dalam buku Tatabahasa Dewan Edisi Baharu. Oleh hal yang demikian terdapat sesetengah murid-murid yang menulis dan berkomunikasi dengan kata majmuk atas dasar kemunasabahan. Oleh itu, sikap-sikap sedemikian menyebabkan berlakunya bentuk kesalahan ejaan atau penulisan kata majmuk.

Berdasarkan orientasi Bahasa Melayu Merentasi Kurikulum (BMMK), guru adalah dikehendaki menitikberatkan aspek bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Realitinya ialah perkara ini tidak dilaksanakan dengan berkesan. Kebanyakan guru mata pelajaran bukan Bahasa Melayu tidak begitu mengambil berat soal ejaan dan sebutan kata majmuk dan hal itu adalah lanjutan daripada sikap guru sendiri yang tidak peka terhadap





kesalahan kata majmuk. Situasi sebegini secara tidak langsung memberi peluang kepada murid-murid melihat bahawa aspek kata majmuk adalah suatu perkara kecil dan tidak perlu diberi perhatian. Tanggapan negatif ini tidak memungkinkan masalah kesalahan sebutan dan penulisan kata majmuk dapat diatasi. Oleh itu, ketidakberkesanan orientasi BMMK merupakan perkara penting yang menyebabkan perkara ini berleluasa di kalangan murid-murid.

Kemerosotan pencapaian murid-murid khususnya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu biasanya dikaitkan dengan kualiti dan kuantiti guru-guru. Kaedah pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran sekolah, latar belakang murid-murid, minat dan kecenderungan ibu bapa serta hal-hal lain yang berkaitan turut menyumbang dalam masalah ini.

Kemungkinan murid-murid mempunyai pengetahuan tentang kata majmuk tetapi mengguna Bahasa Melayu di tahap minima oleh itu ini mempengaruhi kualiti dan prestasi Bahasa Melayu murid-murid.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan Kajian ini adalah seperti berikut:





1. Mengkaji tahap penguasaan lisan dan cara penulisan kata majmuk di kalangan murid-murid.
2. Mengukur pemahaman murid-murid tentang kata majmuk melalui ujian berdasarkan beberapa perkataan yang ditetapkan.
3. Mengenal pasti daerah kelemahan cara sebutan dan penulisan kata majmuk.

1.4 Soalan Kajian

Kajian ini bertujuan menjawab soalan-soalan berikut:



1. Apakah kekerapan (frekuensi) kesalahan penulisan kata majmuk yang dilakukan murid-murid?
2. Apakah jenis bentuk atau aspek kesalahan penulisan kata majmuk yang paling ketara dalam kajian?
3. Sejauh manakah tahap penguasaan murid-murid terhadap penggunaan kata majmuk setelah mengikuti pengajaran secara komunikatif?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian tentang pendekatan komunikatif dalam pengajaran dan pembelajaran kata majmuk ini bertujuan untuk mendapat maklumat tentang tahap penguasaan murid-murid dalam berkomunikasi dan penulisan kata majmuk. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi





kesedaran kepada murid-murid tentang pentingnya menulis dan berkomunikasi dengan mengguna kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya yang gramatis dengan berkesan. Pendekatan komunikatif menyarankan supaya murid-murid diberi peluang menggunakan kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya dalam konteks dan situasi sosial tertentu di dalam kelas.

Kajian ini juga dapat membantu guru mendedahkan kepada murid-murid bahawa penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran kata majmuk khususnya dan Bahasa Melayu amnya mempunyai kaitan dengan aktiviti lisan dan penulisan Bahasa Melayu. Selama ini, murid-murid kabur tentang hubungkait di antara pengajaran dan pembelajaran tata bahasa terutama kata majmuk dengan aktiviti-aktiviti penulisan dan lisan Bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan di dalam bilik darjah boleh membantu guru-guru Bahasa Melayu mendapatkan maklum balas yang lebih tepat dan dapat memanfaatkan dalam pengajaran mereka secara efektif.

Hasil dapatan kajian ini dapat memberi maklumat tentang keberkesanan penggunaan pendekatan komunikatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Pada keseluruhannya, kajian ini penting terutama dalam proses peningkatan kualiti bahasa dari segi komunikasi dan penulisan. Maklumat-maklumat yang diperolehi dapat menjadi garis panduan kepada guru-guru Bahasa Melayu dan pihak pentadbir





sekolah untuk merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih berkesan. Dengan adanya perancangan yang rapi dan penggunaan kaedah yang berkesan, diharapkan pencapaian dan kemahiran berbahasa murid-murid dapat dipertingkatkan lagi.

Seterusnya, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi kesedaran kepada pihak pentadbir sekolah supaya dapat membekalkan pengetahuan dan memberi kursus tentang penggunaan pendekatan komunikatif kepada guru-guru Bahasa Melayu bagi membolehkan mereka mempraktikkan pendekatan komunikatif dengan berkesan di dalam kelas.



Hasil kajian ini juga berguna kepada Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah dalam merangka program untuk keperluan peningkatan professionalisme guru-guru dan merancang pelbagai kursus yang berkaitan.

Maklumat-maklumat yang dikumpul dalam kajian ini boleh dimanfaatkan oleh para pembuat polisi dan para perancang dalam bidang pendidikan untuk menyemak semula serta memperbaiki kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah terutama menengah rendah, program pendidikan guru dan program-program penilaian pendidikan supaya ia akan menjadi lebih bermakna dan lebih relevan.





Pihak Biro Buku Teks pula boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan merancang dan menerbitkan buku-buku teks Bahasa Melayu untuk sekolah menengah terutama menengah rendah yang memenuhi syarat-syarat kurikulum Bahasa Melayu sekolah menengah rendah. Bahan-bahan dan aktiviti-aktiviti berbentuk komunikatif wajar diperbanyakkan dan divariasikan.

Seterusnya pihak Dewan Bahasa dan Pustaka dan penerbit-penerbit buku teks pula boleh memanfaatkan hasil kajian ini dengan menerbitkan bahan-bahan bacaan dan rujukan untuk guru-guru Bahasa Melayu.

Diharapkan kajian ini dapat menjadi titik mula kepada kajian-kajian lanjutan. Hasil dapatan kajian ini hanya terhad di kawasan kajian dijalankan. Gambaran yang lebih menyeluruh boleh didapati jika kajian-kajian lanjutan dilaksanakan.

1.6 Batasan Kajian

Kajian ini terhad kepada batasan kajian seperti berikut, iaitu:

1.6.1 Populasi Kajian

Kumpulan sasaran yang menjadi responden kepada kajian ini terdiri daripada murid-murid Tingkatan Dua A 1, Tingkatan Dua A 2 dan Tingkatan Dua A 3





di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah, Perak. Keseluruhan populasi murid-murid Tingkatan Dua A 1, Tingkatan Dua A 2 dan Tingkatan Dua A 3 di sekolah tersebut telah dijadikan responden soal selidik kajian. Manakala ujian sebelum dan ujian selepas tentang kata majmuk hanya tertumpu kepada sebuah kelas Tingkatan Dua iaitu Tingkatan Dua A 3 sahaja.

Pemilihan murid-murid Tingkatan Dua di Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah sebagai populasi kajian dibuat, memandangkan masih terdapat ramai murid-murid belum mencapai tahap pencapaian bahasa Melayu dari segi komunikasi dan penulisan yang memuaskan.

1.6.2 Lokasi

Kajian ini melibatkan sebuah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Toh Indera Wangsa Ahmad, Batu Gajah yang terletak di pinggir bandar Batu Gajah, Perak.

1.6.3 Tumpuan Kajian

Tumpuan kajian adalah terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu amnya dan kata majmuk khususnya yang difokuskan kepada meninjau pandangan responden terhadap amalan orientasi pendekatan komunikatif dalam pengajaran mata pelajaran tersebut. Data-data





yang dikumpul berdasarkan kepada pandangan responden kajian terhadap item-item dalam soal selidik yang diedarkan serta ujian sebelum dan ujian selepas.

1.6.4 Alat Kajian

Kajian ini dijalankan dengan mengguna kaedah tinjauan. Alat yang digunakan ialah ujian sebelum, ujian selepas dan soal selidik. Ujian sebelum ialah ujian menguji pemahaman murid tentang penulisan kata majmuk tanpa mengaplikaasi pendekatan komunikatif. Manakala ujian selepas adalah ujian yang sama tetapi murid-murid dibenarkan mengaplikasikan pendekatan komunikatif dalam proses pembelajaran untuk mendapat jawapan yang tepat. Selain daripada itu, soal selidik juga digunakan bagi menyokong atau mengukuhkan hasil ujian sebelum dan ujian selepas. Oleh sebab adanya kekangan masa dan tenaga, penyelidik tidak menggunakan kaedah pemerhatian.

1.7 Definisi Istilah

1.7.1 Bahasa Melayu

Bahasa Melayu ialah bahasa yang lazim digunakan oleh orang Melayu sebagai bahasa pertama. Menurut Ismail Hussein (1980), Bahasa Melayu mempunyai sejarahnya sejak beratus-ratus tahun yang lalu, iaitu dari zaman kerajaan Melayu Seri Wijaya dalam abad yang ketujuh masihi. Pada masa itu Bahasa Melayu dikenal sebagai bahasa yang maju





sehingga berkembang menjadi bahasa lingua franca dalam abad-abad kedatangan bangsa-bangsa Eropah ke Nusantara. Menjelang tarikh kemerdekaan Malaysia, Bahasa Melayu telah dimaktubkan ke dalam Perlembagaan Malaysia (1979), Perkara 152 (1) yang berbunyi, *"The national language (of Malaysia) shall be the Malay language."* Selain daripada itu bahasa Melayu ^{juga} jua merupakan bahasa pengantar ilmu pengetahuan di sekolah-sekolah dalam Malaysia menurut Dasar Pelajaran Kebangsaan (Awang Mohamad Amin, 1992 : 28).

1.7.2 Tatabahasa

Tatabahasa ialah peraturan sistem bahasa sama ada bahasa pengucapan ataupun bahasa penulisan. Pada dasarnya tatabahasa meliputi hal ehwal perkataan (morfologi) dan hal ehwal penggunaan serta susunan perkataan untuk membina rangkai kata dan ayat (sintaksis). Morfologi Bahasa Melayu ialah bidang yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata dalam Bahasa Melayu. Struktur ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit tatabahasa sama ada berbentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan.

1.7.3 Pendekatan Komunikatif

Pendekatan komunikatif telah digunakan untuk menghuraikan bentuk sukatan pelajaran dan juga kaedah pengajaran bahasa. Pendekatan ini melihat bahasa sebagai alat





perhubungan yang menumpukan makna dan penggunaan bahasa memainkan peranan penting (Brumfit dan Johnson, 1985).

Pendekatan komunikatif melibatkan aktiviti berkomunikasi menggunakan bahasa itu, di samping turut menitik beratkan faktor-faktor mental atau kognitif dan sosio budaya yang mempengaruhi kecekapan berbahasa dan kecekapan berkomunikasi seseorang itu. Apa yang dipentingkan dalam pendekatan komunikatif adalah seseorang itu harus sedar tujuan ia belajar dan kemudian mengaplikasikannya dalam sesuatu situasi yang diyakini keberkesanannya (Kamaruddin Hj. Husin, Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997: 112 dan 113).

Pendekatan ini meneliti bahasa sebagai aspek komunikasi di samping memberi penekanan kepada lain-lain aspek yang tersebut di atas. Ahli-ahli komunikatif juga turut menimbangkan semua aspek psikolinguistik, iaitu cara pemilihan bahasa dan juga aspek sociolinguistik atau interaksi untuk perhubungan kemasyarakatan. Di samping itu, pendekatan ini turut memberi penekanan kepada semua aspek linguistik termasuk juga aspek paralinguistik yang melibatkan pergerakan semasa pertuturan seperti gerak bibir, mimik muka, goyangan tangan dan sebagainya (Kamaruddin Hj Husin, Siti Hajar Hj Abdul Aziz, 1997 : 113).





1.7.4 Pengajaran

Bloom (1959) mendefinisikan pengajaran sebagai proses yang membawa perubahan kepada pembelajaran. Fatimah (1986), pula menjelaskan pengajaran sebagai pengalaman kemahiran dan nilai pertumbuhan dan perkembangan seseorang pelajar secara sedar. Bagi Page dan Thomas (1978), pengajaran ialah suatu proses menyampaikan pengetahuan atau kemahiran kepada pihak lain. Dalam konteks kajian ini, pengajaran adalah suatu proses pengetahuan atau kemahiran supaya berlaku perubahan kepada proses pembelajaran.

1.7.5 Pembelajaran

Bruno (1986) memberikan definisi pembelajaran sebagai satu proses yang melibatkan perubahan yang hampir kekal kepada kecenderungan tingkah laku yang terhasil daripada satu pengalaman. Crow dan Crow (1983 : 263) menghuraikan pembelajaran sebagai satu proses yang cergas yang perlu dirangsang dan dibimbing ke arah matlamat yang diinginkan. Dalam konteks kajian ini, pembelajaran bermaksud perubahan tingkah laku yang dialami oleh seseorang murid hasil daripada interaksi dengan persekitaran atau daripada pengalaman silam.





1.7.6 Pencapaian sederhana

Pencapaian markah antara 40 - 69 dalam keputusan peperiksaan Akhir Tahun 2003.

Murid-murid tersebut lulus dan mendapat gred C dan D.

